

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD  
WASALI  
(SIPITANG)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bagaimana status penempatan anggota dan aset keselamatan di kawasan pantai timur Sabah untuk membendung sebarang ancaman pencerobohan oleh anasir luar.**

## **JAWAPAN:**

**Kementerian Pertahanan sentiasa memandang serius tentang isu keselamatan negara dan pelbagai usaha telah dan sedang diambil dalam memastikan kedaulatan negara akan terus terpelihara daripada sebarang bentuk ancaman. Sejak berakhirnya Op DAULAT pada 29 Jun 13, pihak ATM telah meneruskan usahanya untuk memperkukuhkan pertahanan, keselamatan dan kedaulatan negara termasuklah di Pantai Timur Sabah.**

**ATM telah mengaturgerakkan trup dan aset tambahan bagi meningkatkan keupayaan ATM di negeri Sabah secara berperingkat mulai 26 Disember 2014. Aturgerak trup dan aset tambahan ini melibatkan ketiga-tiga Perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Secara amnya aturgerak trup dan aset tambahan ke Sabah mengikut perkhidmatan di dalam ATM adalah seperti berikut:**

- a. TDM - Penambahan 3 x Batalion Infantri, 2 x Komp Mekanize berserta Kenderaan Jenis A, 1 x Komp Para dan 2 x pesawat A109 LOH Augusta. Di samping itu,**

**Grup Gerak Khas juga telah diletakkan dalam keadaan siap sedia.**

- b. TLDM - Tambahan 4 x kapal termasuk satu kapal platform helikopter dan 4 x CB 90 di perairan negeri Sabah.**
  
- c. TUDM - Mengaturgerak 3 x Pesawat Pejuang tambahan ke negeri Sabah secara berperingkat, 1 x Pesawat KC 130 dan 2 x Helikopter Nuri *Armed* ke negeri Sabah. Pesawat Pejuang Sukhoi 30 MKM juga diletakkan dalam notis siap sedia.**

**Peningkatan keupayaan ATM di Negeri Sabah melalui trup dan aset tambahan ini akan dikekalkan untuk memperagakan kehadiran (*show of force*) dan sebagai langkah menghadapi sebarang kemungkinan di masa hadapan serta sebagai pemangkin ATM di Wilayah Timur.**

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD  
WASALI [ SIPITANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa ramai guru-guru terlatih dari Semenanjung yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak pada masa ini, dan apakah langkah dan strategi diambil untuk mengurangkan kebergantungan kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak kepada tenaga pendidik dari Semenanjung.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan kepada ststistik pada 30 April 2015, guru terlatih Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berkhidmat di Sabah adalah seramai 42,116 guru. Dari jumlah tersebut, seramai 8,551 (20.3%) merupakan guru-guru yang berasal dari Semenanjung. Manakala bagi negeri Sarawak pula, daripada keseluruhan 42,521 guru yang berkhidmat, 9,421 (22.2%) adalah merupakan guru-guru yang berasal dari Semenanjung.

Kementerian telah mengambil tindakan untuk mengurangkan kebergantungan negeri Sabah dan Sarawak kepada tenaga pengajar dari Semenanjung dengan melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (a) mengambil dan melatih lebih ramai calon guru yang berasal dari Sabah dan Sarawak.
- (b) menempatkan guru-guru baharu yang berasal dari Sabah dan Sarawak ke wilayah asal.
- (c) mengutamakan pertukaran masuk guru-guru yang memohon dari Semenanjung untuk berkhidmat di negeri kelahiran terutamanya ke Sarawak dan Sabah.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD  
WASALI [ SIPITANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan sudah dilulus/disalur untuk membaiki sekolah-sekolah daif termasuk yang terbakar di Sabah pada tahun 2014.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi tujuan membaiki, menyelenggara serta membina bangunan alternatif/sementara untuk 22 buah sekolah yang terlibat dengan bencana (kebakaran, ribut, pergerakan tanah dan tanah runtuh) di Sabah, peruntukan sejumlah RM25 juta telahpun diturunkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah pada bulan Mac 2015. Proses pembaikan sekolah-sekolah terbabit sedang dilaksanakan JPN Sabah.

Manakala, bagi sekolah-sekolah daif, peruntukan bagi menaiktaraf, menyelenggara dan membaiki adalah berdasarkan permohonan serta keperluan yang dikemukakan PPD dan JPN Sabah yang seterusnya akan diteliti di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPM akan

menyalurkan peruntukan kepada pihak JPN dan Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi pelaksana untuk penyelenggaraan dan pembaikan dengan menggunakan Peruntukan Mengurus. Peruntukan berkenaan perlu dibelanjakan oleh agensi pelaksana tersebut pada tahun semasa. Kaedah penyaluran adalah melalui penurunan waran peruntukan kepada agensi pelaksana. Pada tahun 2014, peruntukan berjumlah RM39.23 juta telah diturunkan ke JPN Sabah di bawah belanja Mengurus OS 28000, OS31000 dan OS32000 untuk tujuan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan kecil.